

18/10/2001

Russia sokong cadangan Malaysia

SHANGHAI, Rabu - Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Russia menyokong cadangan Malaysia supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan global diadakan berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September lalu dan serangan yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Afghanistan sekarang.

Beliau berkata, pandangan Russia itu disampaikan kepadanya oleh Menteri Luar negara itu, Igor Ivavnov di sini, hari ini.

"Mereka (Russia) berkata idea Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) supaya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan adalah bagus kerana ia berperanan sebagai penyelesaian jangka panjang bagi masalah itu," kata Syed Hamid kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Syed Hamid mengadakan perbincangan dengan Ivanov pada Mesyuarat Menteri-menteri Apec di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang akan berada di sini pada Sabtu untuk menghadiri mesyuarat Pemimpin-pemimpin Apec, mencadangkan supaya persidangan antarabangsa mengenai keganasan antarabangsa diadakan bukan saja untuk menangani masalah pada peringkat akar umbi, malah mentakrifkan aktiviti pengganas.

Syed Hamid juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan New Zealand, Philip Goff dan Menteri Luar Australia, Alexander Downer.

Australia dan New Zealand juga bersetuju usaha perlu diambil bagi memerangi keganasan antarabangsa.

"Kami (Menteri Luar Apec) akan berbincang lebih lanjut mengenai keganasan pada mesyuarat tidak rasmi pagi esok," katanya.

Syed Hamid berkata, Menteri Luar Apec bersetuju mengenai draf dokumen keganasan dan akan menyerahkannya kepada pemimpin pada mesyuarat dua hari hujung minggu ini.

"Pemimpin berkenaan akan mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai keganasan," katanya. - Bernama

(END)